

Orang yang berakal itu bersungguh-sungguh di dalam pekerjaan

dan orang yang bodoh itu bergantung kepada angan-anganinya – kata seorang Hakim.

-----*-----*

Barangsiapa memisahkan di antara seorang ibu dengan anaknya

maka Allah akan pisahkan antaranya dan kekasihnya pada hari Qiamat – hadis sahih riwayat Ahmad dan Hakim.

-----*-----*

Apabila engkau membuat sesuatu kebaikan maka hendaklah

engkau sembunyikan tetapi apabila orang membuat baik kepadamu maka hendaklah engkau hebahkan.

(sambungan dari muka surat 17)

Menunaikan hutang itu sebahagian daripada agama – menyempurnakan amanah itu pintu rezeki.

-----*-----*

“Akal itu ialah menteri yang menasihati, dan harta itu adalah daif yang akan pergi” – kata seorang Hakim.

-----*-----*

“Nasihat itu mudah menyebutnya tetapi payahnya ialah menerimanya” – kata seorang Hakim.

-----*-----*

“Barang siapa panjang umurnya nesacaya ia kehilangan orang-orang yang dicintainya dan disayanginya” – kata seorang Hakim.

-----*-----*

“Hendaklah kamu berpegang kepada kebenaran kerana benar itu memimpin kepada bakti dan bakti itu memimpin kepada syurga” – sabda Rasulullah (SAW) yang diriwayatkan oleh Bukhari dan Muslim.

-----*-----*

“Janganlah seorang lelaki bersendiria (di suatu tempat) dengan perempuan melainkan hendaklah besertanya mahramnya’ – hadis sahih riwayat Bukhari dan Muslim.

-----*-----*

“Sebaik-baik perkataan ialah yang dibuktikan dengan pekerjaan” – kata Saidina Ali bin Abi Talib.

-----*-----*

Pokok agama ialah kepercayaan yang sah – kata Saidina Ali

-----*-----*

Jauhkan dirimu daripada meminta pertolongan kepada seseorang nescaya engkau jadi sebanding dengannya, dan jika engkau minta bantuan kepada seseorang nescaya jadi tawanan kepadanya, dan berbudilah engkau kepada seseorang nescaya engkau jadi tuannya – kata seorang Hakim.

Orang yang berakal itu bersungguh-sungguh di dalam pekerjaan dan orang yang bodoh itu bergantung kepada angan-anganinya – kata seorang Hakim.

-----*-----*

Barangsiapa memisahkan di antara seorang ibu dengan anaknya maka Allah akan pisahkan antaranya dan kekasihnya pada hari Qiamat – hadis sahih riwayat Ahmad dan Hakim.

-----*-----*

Apabila engkau membuat sesuatu kebaikan maka hendaklah engkau sembunyikan tetapi apabila orang membuat baik kepadamu maka hendaklah engkau hebahkan.

Dengan sebab itulah tumpuan Masyumi bagi permulaannya mengetahui bahawa kerugian mereka di dalam perkara ini besar dan sebab itulah dengan perlahan-perlahan mereka menggalakkan pelajaran-pelajaran Islam dan meluaskan lagi pertadbiran-pertadbiran di dalam pelajaran-pelajaran supaya di belakang kelak kekuatan Masyumi itu bukannya sahaja sebagai penyokong kepada pertubuhan lain tetapi sebagai pembawa umat Indonesia kepada cita-cita kerajaan Islam yang berdaulat di sana.

Sungguhpun mereka mendapati kurang tenaga-tenaga itu tetapi mereka masih juga dapat terkemuka dengan adanya pertadbiran-pertadbiran yang baik dan dengan kerana itu maka Presiden Sukarno yang faham kepada kekuatannya menyerahkan kepada Tuan Mohammad Natsir melantik Jemaah Menterinya sungguhpun pihak Komunis dan Kebangsaan tidak berkenan dengan keadaan itu. Masyumi dengan kepercayaan yang ada sekarang maju ke tengah dengan tidak lupa menyusun dan mengatur barisan mereka supaya agama negara Indonesia dirasmikan sebagai negara Islam kerana itulah cita-cita tiap-tiap seorang umat Islam Indonesia.